



**UNIT PEROLEHAN, JABATAN KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN KLUANG**

Sebutharga adalah dipelawa daripada Pembekal dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan / perkhidmatan berikut :-

Bil	Butir-Butir Tawaran	Tajuk Kerja	Kementerian Kewangan / Tajuk Kod
1	No. Sebutharga : MPK/599/201/SH-P/20- 12	Perkhidmatan Penyelenggaraan Berkala Kenderaan Penumpang Milik Majlis Perbandaran Kluang Bagi Julai 2020 Hingga Disember 2020.	Kementerian Kewangan – Tajuk Kod 110304 – Pengangkutan, Komponen Dan Aksesori, Alat Ganti Dan Aksesori Kenderaan/Jentera Berat/Peralatan Servis Dan Selenggara. ATAU 220104 – Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kenderaan, Kenderaan Bawah 3 ton

2. Naskah Dokumen Sebutharga boleh dibeli di Pejabat Kewangan Wisma Majlis Perbandaran Kluang mulai **16 Julai 2020 hingga 23 Julai 2020** pada masa waktu pejabat dibuka.

3. Penyebutharga mestilah membawa dan menunjukkan kepada pihak kami Sijil SSM yang sah dan Sijil KKM (Kementerian Kewangan) mengikut Kod Bidang yang berkaitan. Penyebutharga juga WAJIB menyediakan satu alamat e-mail dan di tulis dengan betul kepada Urusetia Sebutharga. Borang sebutharga akan di e-mail dalam tempoh 24 jam. Kesalahan ejaan atau tulisan alamat e-mail menyebabkan penyebutharga gagal mendapatkan borang sebutharga yang dibeli. Jika sekiranya borang sebutharga tidak diterima selepas 24 jam, sila e-mailkan tindakbalas anda ke alamat e-mail stormpk2020@gmail.com secepat mungkin. Setiap dokumen sebutharga dijual dengan harga RM 30.00. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank atau kiriman wang pos (money order) atau kiriman pos berpaling (postal order) dan dibayar atas nama **“YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN KLUANG”**. Wang tunai atau cek tidak akan diterima. Wang pembayaran tidak akan dikembalikan.

4. Dokumen Sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Ruang Pejabat Jabatan Kewangan Majlis Perbandaran Kluang sebelum atau pada tarikh tutup tawaran iaitu **23 Julai 2020 (Khamis) jam 12.00 Tengah hari**. Sebutharga yang lewat diterima, tidak akan dipertimbangkan. Majlis ini tidak terikat untuk menerima sebarang Sebutharga atau Sebutharga terendah dan keputusan Lembaga Sebutharga adalah muktamad.

5. Penyebutharga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Tarikh Iklan : **16 Julai 2020**